

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 16 MEI 2016
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan tempat meletak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak secara Public Private Partnership-BLMT melalui perolehan secara "Swiss challenge". Nyatakan secara terperinci pembayaran balik serta jangka masa yang diperlukan. Nyatakan definisi "Swiss Challenge" dalam proses tersebut secara terperinci

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat komited dalam memastikan fasiliti kesihatan yang disediakan untuk rakyat Malaysia berkualiti tinggi dan mampu memenuhi keperluan semasa kawasan setempat. Pembinaan mana-mana fasiliti kesihatan awam perlulah dipakejkan secara teratur dengan fasiliti sokongan lain yang akan membolehkan pengoperasian fasiliti yang lebih lancar.

Dalam hal ini, pembinaan kompleks Tempat Letak Kenderaan (TLK) Bertingkat yang dirancang untuk dibina di Hospital Umum Sarawak (HUS) merupakan sebahagian daripada komponen projek Menaiktaraf HUS, di mana komponen lain yang akan dibina adalah pembinaan blok Pusat Rawatan Harian (DCC), makmal patologi dan Bank Darah. Keseluruhan kos projek ini dianggarkan pada kos RM351 juta, dengan komitmen pembayaran semula Kerajaan Malaysia kepada syarikat sebanyak RM1.082 billion bagi tempoh 30 tahun konsesi perjanjian.

Kaedah perolehan Projek ini adalah secara *Swiss Challenge*, iaitu proses perolehan yang membolehkan Kerajaan Malaysia mendapat *value for money* bagi harga yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat yang berminat. Dalam kes ini, Kerajaan Malaysia melalui Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) telah menerima tawaran harga dari satu syarikat bagi melaksanakan projek ini dan bagi memastikan Kerajaan Malaysia mendapat pulangan yang sewajarnya bagi nilai projek tersebut, UKAS, JPM seterusnya mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengemukakan tawaran masing-masing. Setelah semua tawaran diterima, syarikat asal yang memohon diberikan hak pertama keengganan (*first right of refusal*) untuk melaksanakan kerja pada bidaan terendah. Kaedah perolehan secara *Swiss Challenge* secara tidak langsung menggalakkan penyertaan sektor swasta secara aktif dalam pelaksanaan projek-projek utama Kerajaan.